

03/05/1997

Perdana Menteri rasmi guna kad pintar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelancaran bandar raya teknologi maklumat (IT), Cyberjaya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 17 Mei ini akan menyaksikan penggunaan ciri sains fiksi.

Ia sesuai dengan imej bandar raya terbabit sebagai pusat kegiatan IT dan multimedia serta kehidupan bercorak mesra alam dan berasas ilmu sesuai dengan peranannya sebagai pusat pembangunan produk berteknologi tinggi.

Pelancaran Cyberjaya yang akan dihadiri ketua pegawai eksekutif (CEO) daripada enam syarikat yang sudah menerima status MSC bertepatan dengan sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia.

Cyberjaya, adalah bandar raya IT di tengah Koridor Raya Multimedia (MSC), pusat pembangunan IT dan multimedia seluas 750 kilometer persegi di antara Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Ketua Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Majlis Pecah Tanah Cyberjaya, Datuk Zainuddin Muhammad, berkata pada pelancaran pecah tanah bandar raya IT Cyberjaya itu, Dr Mahathir akan menggunakan kad pintar.

"Melalui penggunaan kad pintar, secara maya, mesin berupa beberapa jentolak akan melaksanakan upacara pecah tanah menandakan pelancaran rasmi pecah tanah untuk enam syarikat yang akan mula beroperasi di bandar raya IT paling unik di dunia itu," katanya.

Pada pelancaran bandar raya IT itu, Perdana Menteri juga akan mengetuai upacara menanam pokok bagi menambah `kehijauan' Cyberjaya yang dibangunkan di kawasan ladang lama.

Seperti Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru di MSC, persekitaran alam semula jadi di Cyberjaya akan dipulihara bagi menyediakan suasana kerja selesa.

Suasana warna-warni pelancaran Cyberjaya juga diserikan dengan 34 belon udara panas dilepaskan ke udara bagi menunjukkan 34 syarikat yang memberi komitmen untuk menyertai MSC.

Kedudukan 34 syarikat itu ditunjukkan oleh sebuah replika jam matahari yang akan dibina di Cyberjaya.

(END)